

Aktiviti cuci pasir punca pencemaran sungai


GOMBAK – Tanah persendirian yang dijadikan tempat longgokan pasir di Batu 9 di sini didakwa menjadi punca kepada pencemaran sungai kerana turut melakukan aktiviti cuci pasir.

Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan berkata, pengusaha menggunakan air sungai untuk mencuci pasir dan terus membuang sisa kotoran terus ke dalam sungai yang jaraknya hanya beberapa meter.

Katanya, aktiviti yang dijalankan sejak empat lalu itu didapati tidak mengikut prosedur yang betul hingga menyumbang berlakunya pencemaran sungai dari segi warna dari jernih kepada keruh.

“Setakat ini kita tidak tahu tahap bahaya pencemaran itu dan telah memanjangkan laporan kepada pihak berkaitan termasuklah Lembaga Urus Air Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan lanjut.

“Sungai tersebut sebelum ini digunakan untuk menampung keperluan air jika mengalami gangguan (catuan), aktiviti rekreasi serta memancing namun sejak pencemaran didapati aktiviti tersebut terhenti,”



Keadaan sungai bertukar warna akibat kerja mencuci pasir.

katanya, semalam.

Katanya, pihaknya juga telah meminta pekerja tempat cucian pasir itu supaya menghentikan projek sementara sehingga prosedur kerja yang betul dibuat namun didapati pencemaran masih berlaku.

“Kerja menurunkan pasir di situ masih berlaku dan sekurang-kurangnya sepuluh lori berulang alik masuk ke kawasan tersebut yang datangnya dari sebuah projek mega di Kuala Lumpur.

“Namun begitu masih

belum dapat dipastikan aktiviti itu dijalankan dengan kebenaran atau sebaliknya memandangkan lokasinya yang agak tersorok tambahan pula dalam kawasan persendirian,” katanya.

Bagaimanapun katanya lagi, perkara itu telah dipanjangkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak kerana aktiviti menyumbang kepada pencemaran sungai dan tidak terkecuali dengan projek tambak tanah di beberapa kawasan di situ juga.